



NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 23 Disember 2025

PERTIMBANGAN MEMUDAHCARA PENGIMPORAN MAKANAN HAIWAN DI BAWAH KOMODITI SELAMAT (*SAFE COMMODITIES*)

Pengimportan makanan haiwan (*pet food/feed/feed additive*) ke Malaysia adalah tertakluk kepada *REGULATIONS FOR THE IMPORTATION OF PET FOOD INTO MALAYSIA*.

Walaupun bagaimanapun, dengan mengambilkira status risiko penyakit haiwan semasa, DVS juga telah mempertimbangkan pengimportan makanan haiwan yang mematuhi perkara berikut:

1. Produk kategori komoditi selamat (***safe commodities***) yang telah diproses melalui proses ***extrusion*** dengan justifikasi bahawa proses ini berupaya untuk menyahaktif patogen berkaitan termasuk virus bagi penyakit *foot and mouth disease* (FMD), *high pathogenicity avian influenza* (HPAI) dan African Swine Fever (ASF).
2. Pertimbangan yang diberikan ini juga berlandaskan standard antarabangsa di bawah Artikel 8.8.2 (*Foot and mouth disease*), Artikel 10.4.2 (*High pathogenicity avian influenza virus*) dan Artikel 15.1.2 (*African Swine Fever*), World Organisation for Animal Health (WOAH) Terrestrial Animal Health Code.

Pertimbangan Jabatan untuk memudahcara pengimportan ini adalah terpakai bersama keperluan import semasa sehingga pengemaskinian terkini keperluan import makanan haiwan ke Malaysia dimuktamadkan.

Sebarang maklumat lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, untuk makluman.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar